

ISU TIDAK MEMBAWA AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR KETIKA SESI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK CTU DI UITM CAWANGAN JOHOR KAMPUS SEGAMAT

Emie Sylviana Mohd Zahid (Dr.)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Pulau Pinang
emies692@uitm.edu.my

Siti Noor Ain Aziz

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor

Mahasin Mearaj

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Johor

ABSTRAK

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) merupakan satu unit pelengkap kepada keseluruhan struktur organisasi akademik di Universiti Teknologi MARA (UiTM). ACIS telah menawarkan program dan kursus akademik berorientasikan Islam kontemporari. Sebagai sebuah universiti yang bertujuan melatih kaum Bumiputera dalam bidang profesional dan separa profesional, UiTM telah menawarkan kepada para pelajarnya kursus-kursus Pendidikan dan Tamadun Islam yang sinonim dengan nama subjek CTU. Ia ditawarkan sebagai kursus wajib diperingkat diploma dan ijazah sarjana muda. Subjek CTU diperingkat diploma lebih menekankan penggunaan al-Quran ketika sesi pembelajaran. Namun kebelakangan ini, pelajar sering tidak membawa al-Quran dan ia semakin serius. Hal ini memerlukan kepada satu kajian bagi mengenal pasti punca permasalahan tersebut. Kajian ini berbentuk kuantitatif. Kaedah yang digunakan adalah temu bual dan soal selidik bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Dapatan kajian dianalisa secara deskriptif berdasarkan bilangan dan keperatusan responden. Hasil kajian mendapati isu tidak membawa al-Quran dalam kalangan pelajar adalah sikap pelajar itu sendiri. Justeru, pihak ACIS UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat mencari solusi bagi menangani masalah tersebut serta membentuk semula persekitaran generasi mencintai al-Quran dalam kalangan pelajar UiTM.

Kata Kunci: Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Subjek CTU, Mushaf al-Quran, Islamic Kit

ISSUES DO NOT BRING THE QUR'AN AMONG STUDENTS DURING THE TEACHING AND LEARNING SESSION CTU SUBJECT AT UITM JOHOR BRANCH SEGAMAT CAMPUS

ABSTRACT

The Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) is a complementary unit to the entire structure of the academic organization at Universiti Teknologi MARA (UiTM). ACIS has offered contemporary Islamic-oriented academic programs and courses. As a university that aims to train Bumiputeras in the professional and semi-professional fields, UiTM has offered its students courses in Islamic Education and Civilization that are synonymous with the subject name CTU. It is offered as a compulsory course at the diploma and bachelor's degree levels. CTU subjects at the diploma level place more emphasis on the use of the Quran during learning sessions. But lately, students often do not bring the Quran and it is getting serious. This requires a study to identify the cause of the problem. This study is quantitative. The methods used were interviews and questionnaires to obtain feedback from respondents. The findings of the study were analyzed descriptively based on the number and percentage of respondents. The results of the study found that the issue of not bringing the Quran among students is the attitude of the students themselves. Therefore, ACIS UiTM Johor Branch Segamat Campus is looking for a solution to address the problem as well as reshape the environment of the generation who love the Quran among UiTM students.

Keywords: *Academy of Contemporary Islamic Studies, CTU Subject, Mushaf al-Quran, Islamic Kit*

PENGENALAN

Pembelajaran al-Quran bukanlah sesuatu yang asing di negara Malaysia. Ia telah dijadikan salah satu komponen wajib di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam seawal umur tujuh tahun dengan pengenalan kepada kaedah bacaan Iqra. Penerapan secara berterusan bertujuan untuk memastikan pelajar mampu menguasai bacaan al-Quran dengan betul, fasih dan bertajwid (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia adalah seiring dengan kedatangan dan perkembangan Islam (Zulkifli & Nur 'Atiyah, 2013).

Pada tahun 2005, program j-QAF diketengahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah rendah kebangsaan seluruh Malaysia. Ia merupakan salah satu usaha keras untuk mewujudkan budaya al-Quran dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ia dilaksanakan dengan harapan untuk membina masyarakat bertamadun dan global berpaksikan ilmu-ilmu al-Quran (Daud, Wan Mohd Khairul Firdaus & Mahadi, 2014).

Semua peringkat pengajian termasuk sijil, diploma dan ijazah untuk pelbagai aliran pengajian sewajarnya perlu meneruskan pendidikan al-Quran disepanjang tempoh pengajian di IPTA mahupun IPTS dalam mencapai misi Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) membangun dan memperkasakan IPT untuk menghasilkan pusat ilmu yang unggul dan insan yang kompeten, berinovasi dan berakhlak mulia untuk memenuhi aspirasi negara dan antarabangsa (Nor Ashiqeen, Raihana Farahiyah, Sulaiman Shakib & Mohd Nazir, 2017). Ini kerana tanpa al-Quran, pelajar akan hanyut dan terleka dalam mengejar dunia semata-mata. Al-Quran yang merupakan wahyu agung yang memberi syafaat kepada setiap pembaca akan memimpin ke arah cahaya kehidupan dalam membentuk modal insan yang tinggi nilainya di dalam masyarakat.

Mempelajari al-Quran adalah menjadi satu kewajipan bagi setiap muslim kerana al-Quran adalah kitab suci bagi umat Islam. Jika tidak tahu membaca al-Quran, maka tidak lengkaplah rukun Islam bagi seseorang muslim tersebut. Hal ini adalah merujuk kepada ibadah 68 solat yang sangat berkait rapat dengan bacaan al-Quran. Pelbagai teknologi dan kaedah telah dilaksanakan bagi memudahkan setiap muslim untuk mempelajari al-Quran (Ma Yu Long, Syed Najihuddin, Abdulloh, Robiatul Adawiyah, Walid, Kabiru & Nurul Izzatul Huda, 2019). Sehubungan itu, artikel ini cuba melihat sejauh mana pembelajaran al-Quran dilaksanakan di UiTM.

PERMASALAHAN KAJIAN

Di UiTM, pembelajaran al-Quran diperkenalkan kepada para pelajar diploma khususnya kod subjek CTU101 dan CTU151. Kedua-dua subjek merupakan kursus pendidikan Islam yang diwajibkan kepada pelajar Diploma semester satu dan dua di UiTM. Ia menawarkan pengetahuan dan pemahaman tentang asas Islam, konsep dan tamadun Islam yang perlu dipelajari sepanjang 14 minggu (Norazmi et.al, 2017). Pelajar terdedah kepada asas prinsip-prinsip asas Islam. Ia menjelaskan kepada pelajar mengenai tasawwur Islam dan menghubungkaitkan akidah dengan amalan seharian. Ia juga membincangkan aplikasi syariah, ibadah dan akhlak dalam kehidupan serta mengenalpasti isu dan cabaran semasa.

Kursus CTU101 lebih memberi penekanan mengenai perkara penting dalam memahami dan menghargai kepercayaan serta penggunaan syariah, ibadah dan moral dalam kehidupan seharian. Kursus ini dinyatakan sebagai kursus universiti dan mempunyai dua jam kredit dan juga dua jam hubungan. Hasil kursus adalah (i) Menjelaskan Islam sebagai Ad-Din, (ii) Menyambungkan konsep kepercayaan sebagai asas kehidupan, dan (iii) Memohon keperluan syariah, ibadah atau ibadah & pembangunan, masyarakat dan negara. Kandungan sukatan pelajaran merangkumi lima subtopik iaitu; Islam sebagai Ad-Din, Iman adalah inti Pembangunan Islam, Syariah dalam Kehidupan Muslim, Ibadat Mencipta Kualiti dalam Manusia dan Moral dalam Membangunkan diri sendiri (Norazmi et.al, 2017).

Manakala kod subjek CTU151 merupakan subjek yang berkaitan dengan pemikiran dan tamadun Islam. Ia ditawarkan kepada pelajar semester dua

Diploma. Kursus ini dinyatakan sebagai kursus universiti dan mempunyai dua jam kredit dan juga dua kenalan jam. Hasil kursus adalah (i) Menjelaskan konsep Tamadun Islam dan sumbangannya kepada tamadun dunia. (ii) Menjelaskan pertumbuhan dan pengaruh Islam di dunia Melayu dan (iii) menerangkan sistem sosial dan Islam kenegaraan serta cabaran yang dihadapi Muslim hari ini. Terdapat lima sukatan pelajaran utama kandungan yang merangkumi Konsep Islam, Tamadun, Nilai Universal dalam Tamadun Islam, Pembangunan Tamadun Islam, Pemikiran Tamadun dan Islam di Dunia Melayu (Norazmi et.al, 2017).

Kedua-dua subjek ini mempunyai penilaian markah kerja kursus yang terdiri daripada pentaksiran bertulis 1 dan 2, kertas kerja, analisis ayat al-Quran, dan tasmi'. Berikut adalah penilaian markah bagi kod CTU101 dan CTU151.

Rajah 1: Penilaian Markah Subjek CTU101 dan CTU151

KURSUS UNIVERSITI PERINGKAT DIPLOMA 01 & 02 (MUSLIM) UNTUK SEMUA FAKULTI & SEMUA PROGRAM		
CTU 101		CTU151
JENIS DAN KAEDAH PENILAIAN		
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Penilaian bagi kedua-dua kod ini ialah penilaian berterusan dan TIADA peperiksaan akhir ▪ Kaedah penilaian adalah seperti berikut: 		
i.	Pentaksiran Bertulis 1	20%
ii.	Pentaksiran Bertulis 2	30%
iii.	Kertas Kerja	20%
iv.	Analisis Ayat	10%
v.	Tasmi'	20%
JUMLAH		100%

Sumber : Akademi Pengajian Islam Kontemporari (2017)


Merujuk kepada rajah 1, terdapat penilaian analisis ayat dan tasmi' (hafazan). Ini menunjukkan bahawa terdapat penerapan pembelajaran al-Quran dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Para pelajar yang mengambil kod subjek CTU101 dan CTU151 perlu menganalisis ayat al-Quran yang berkaitan Akidah, Syariah, Ibadah atau Akhlak dan perlu menghafal surah Yasin ayat 1-20 bagi kod subjek CTU101 (Akademi Pengajian Islam Kontemporari 2017). Manakala kod subjek CTU151 perlu menganalisis ayat al-Quran berkaitan dengan topik ketamadunan dan diikuti dengan hafazan surah Yasin ayat 21-40 (Akademi Pengajian Islam Kontemporari 2017). Kaedah pembelajaran al-Quran yang digunakan oleh pensyarah ACIS UiTM/CJKS bersifat tradisional iaitu talaqqi dan musyafahah. Diikuti juga dengan kaedah tasmi' dan analisis ayat. Kaedah ini amat memerlukan kepada penggunaan mushaf al-Quran itu sendiri ketika sesi PdP.

Namun, terdapat permasalahan ketika sesi pembelajaran al-Quran dimana para pelajar diploma di Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat (UiTM/CJKS) tidak membawa al-Quran ketika sesi pembelajaran subjek CTU. Berdasarkan hasil dapatan kajian dari soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji mendapati pada sesi Mac 2018 seramai 29 orang pelajar daripada 270

pelajar diploma semester satu sebagai responden tidak membawa al-Quran. Manakala sesi Julai 2018 meningkat kepada 119 orang pelajar yang tidak membawa al-Quran. Ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 90 orang pelajar yang tidak membawa al-Quran.

Begitu juga hasil daripada pemerhatian dalam kelas. Kebanyakan kelas yang mempunyai 30 orang pelajar mendapati sebanyak 33 peratus para pelajar semester satu adalah tidak membawa al-Quran. Manakala 50 peratus menggunakan aplikasi al-Quran. Hanya 17 peratus sahaja yang membawa al-Quran dengan pelbagai versi dari segi saiz dan terjemahan. Diikuti dengan hasil temu bual bersama para pensyarah ACIS UiTMCJKS turut menyatakan bahawa para pelajar tidak menitik beratkan soal keperluan al-Quran ketika pembelajaran al-Quran. Mereka selesai menggunakan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar masing-masing. Menurut Ustazah Siti Hanisah Amin (2018) pelajar yang tidak membawa al-Quran akan terkial-kial memuat naik aplikasi di dalam telefon pintar ketika sesi pembelajaran al-Quran. Pelajar yang baru memuat naik aplikasi akan mengambil masa dan melambatkan proses PdP. Ini menyebabkan proses PdP terganggu dan berlaku penambahan nilai jam kontak pensyarah. Sedangkan ACIS telah menetapkan pelan pengajaran yang perlu dipatuhi oleh semua pensyarah ACIS. Berikut adalah aliran kerja pengendalian kod CTU101 dan CTU151 yang dilaksanakan.

Rajah 2: Aliran Kerja Pengendalian Kod CTU Peringkat Diploma



Rajah 2 di atas menunjukkan isu masalah pelajar tidak membawa al-Quran bermula pada minggu ke 11 ketika slot analisa ayat dan minggu ke 12 hingga 14 bagi slot talaqqi dan tasmi'. Ini berdasarkan kepada pelan pengajaran yang telah ditetapkan oleh pihak ACIS sepertimana jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Slot Mengikut Minggu 11-14

Min.	Tajuk mata pelajaran	Kuliah	Tutorial	Pemb. sendiri	Jumlah SLT (jam)
1	Analisa Ayat al-Quran	2	-	4	6
2	Praktis Talaqqi dan Tasmi' Ayat al-Quran	2	-	4	6
3	Praktis Talaqqi dan Tasmi' Ayat al-Quran	2	-	3	5
4	Praktis Talaqqi dan Tasmi' Ayat al-Quran	2	-	3	5
JUMLAH		28	-	52	80

Sumber : Akademi Pengajian Islam Kontemporari (2017)

Masalah ini turut diakui oleh Ketua Pusat Pengajian ACIS UiTMCJKS, Ustaz Mohd Zainodin Mustaffa (2018) tentang masalah pelajar tidak membawa al-Quran ketika sesi analisi ayat, talaqqi dan tasmi'. Ia juga turut disokong oleh Ketua Kursus CTU101 Ustazah Munirah Zakaria (2018) menyatakan para pelajar hilang fokus pada bacaan al-Quran sekiranya menggunakan telefon pintar kerana gangguan daripada mesej masuk seperti whatsapp atau iklan dari internet.

Sekiranya masalah ini tidak di atasi, kebarangkalian bilangan pelajar tidak membawa al-Quran ketika sesi pembelajaran al-Quran semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan mengenalpasti punca masalah para pelajar tidak membawa al-Quran ketika sesi PdP subjek CTU.

KAJIAN LITERATUR

Perkembangan pengajaran al-Quran telah bermula pada zaman Nabi Muhammad s.a.w ketika baginada mendapat wahyu yang pertama di Gua Hira'. Ayat pertama diturunkan jelas menunjukkan kepentingan membaca dan signifikasi di sebalik wahyu tersebut menekankan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam. Secara umumnya terdapat dua kaedah tilawah al-Quran yang pernah diperkenalkan di Malaysia, iaitu kaedah Baghdadiyah dan kaedah Iqra' (Kamarul Azmi, 2013)

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pelbagai kaedah dan pendekatan yang diperkenalkan dalam sistem pembelajaran di Malaysia agar umat Islam menjadi insan celik al-Quran. Pada awal kaedah pengajaran al-Quran adalah berasaskan kepada kaedah tertua iaitu secara talaqqi dan musyafahah yang diperkenalkan oleh Jibril a.s kepada Rasulullah SAW ketika menyampaikan wahyu pertama. Pendekatan yang digunakan untuk mengajar al-Quran telah berubah mengikut acuan yang berbeza. Namun, pendekatan yang diperkenal dan diamalkan adalah dengan tujuan yang sama iaitu melatih kemahiran dan kebolehan membaca al-Quran dengan cara mudah dan pantas tetapi masih meraikan hukum-hukum tajwid sebagaimana yang diajar oleh Baginda Rasulullah s.a.w.

Selain itu, kaedah pembelajaran al-Quran menerusi latihan amali dan tasmi' dapat memberi impak besar kepada kebolehan pelajar dalam menguasai kemahiran al-Quran (Muhammad Fauzan, 2006). Kajian Sharifah Norshah et.al

(2018) kaedah pengajaran al-Quran yang dipraktikkan dalam Kelas al-Quran Dewasa (KQD) di Masjid UniSZA adalah gabungan antara kaedah tradisi dan kontemporari. Dari 2008 hingga 2013, kaedah pengajaran dan pembelajaran KQD dibuat secara tradisional iaitu talaqqi dan musyafahah tetapi pada tahun 2014, satu perubahan telah dibuat, lebih sistematik dengan membahagikan kepada empat tahap iaitu tahap asas, tahap pertengahan, tahap tinggi dan tahap tadabbur.

Kemudian pengajaran bacaan al-Qur'an ini berkembang dari kaedah Baghdadiyah, Qiraati, Hattawiyah dan yang terkini Kaedah al-Jabbari. Kajian Nurhanis (2012) telah memperkenalkan kaedah bermain melalui aktiviti "*Finding Nemo*" dan "*Running Kids*" bagi mengukuhkan kemahiran membaca kalimah seterusnya meningkatkan minat murid terhadap pelaksanaan PdP al-Quran di kalangan murid tahun 4. Penggunaan kaedah seperti ini memberikan satu pengalaman baharu kepada murid dalam mempelajari Al-Quran selain daripada pengajaran berpusatkan guru yang berteraskan kaedah tradisional. Manakala kajian Daud dan Asyraf (2016) tentang penggunaan mushaf *Imla'i* dalam pembacaan al-Quran. Kajian menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati Mushaf *Imla'i* tidak sesuai digunakan secara terbuka kerana boleh menyebabkan wujud beberapa kekeliruan dari segi pembacaan Al-Quran. Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan bahawa kepelbagaian kaedah pembelajaran al-Quran di Malaysia mampu membantu seseorang muslim mempelajari al-Quran mengikut kemampuan masing-masing. Ia juga dilihat mampu memberikan pendekatan yang terbaik mengikut tahap fasahah bacaan, tajwid serta pemahaman intipati al-Quran (Ma Yu Long, Syed Najihuddin, Abdulloh, Robiatul Adawiyah, Walid, Kabiru & Nurul Izzatul Huda, 2019).

Menurut Abdul Raof (1998) gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran yang berkesan. Mohd Aderi dan Rohani (2009) mendapati bahawa guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam perlu mempertingkatkan kemahiran pengajaran Tilawah al-Quran dengan kaedah yang paling efektif agar murid dapat menguasai Tilawah al-Quran dengan berkesan. Pelaksanaan pembelajaran al-Quran perlu menarik minat para pelajar. Setiap kaedah dan teknik PdP perlu sentiasa diperbaharui dan dikembangkan sesuai dengan keadaan dan perkembangan semasa serta perkembangan dan kemajuan kepada pembaharuan teknik penyampaian dalam bilik kuliah (Maimun Aqsha & Ismail Suardi 2007). Kaedah PdP al-Quran yang berkesan sering kali dikaitkan dengan kreativiti guru dalam menyampaikan ilmu tersebut agar pelajar dapat meningkatkan pemahaman, pembacaan dan penghafalan mereka.

Namun terdapat permasalahan yang berlaku seperti kajian Ngalim (1990) Mohd. Aderi dan Rohani (2009) mendapati pelajar hilang tumpuan semasa belajar disebabkan oleh cara guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Begitu juga kajian Misnan (2006) terdapat banyak masalah-masalah yang beliau kenalpasti. Antaranya ialah masih ramai pelajar yang tidak boleh membaca al-Quran dengan betul, pelajar kurang berminat mempelajari al-Quran, guru tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran al-Quran dan penggunaan ABM dalam PdP al-Quran masih rendah. Kajian yang

dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri et. al. (2004) mendapati para pelajar kurang minat dalam aktiviti yang berkaitan dengan hadis, kefahaman dan hafazan al-Quran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam (min=2.60 dan 2.57).

Isu sikap pelajar sendiri memberi kesan secara langsung terhadap tahap kebolehpayaan mereka menguasai pembacaan dengan baik. Hal ini bertepatan dengan pendapat Awang Had (1986) salah satu punca pelajar mendapat keputusan yang rendah adalah disebabkan punca-punca dalaman diri pelajar. Pelajar tersebut mempunyai aspirasi dan cita-cita yang sederhana, semangat persaingan yang rendah dan ketiadaan motivasi yang kuat. Aminah (1997) juga turut menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai minat dan sikap yang sederhana terhadap program Tilawah al-Quran malah program Tilawah al-Quran masih belum berjaya mengubah sikap pelajar menghayati nilai-nilai Islam sepenuhnya. Muhammad Fauzan (2006) mendapati bahawa sukatan Tilawah al-Quran merupakan bidang yang tidak popular dan tidak digemari oleh kebanyakan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam. Perkara ini mungkin kerana kesukaran dan kurang minat serta kesedaran tentang peri pentingnya Tilawah al-Quran sedangkan kemahiran membaca al-Quran amat penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Keadaan ini membawa kepada pengabaian dan kegagalan penguasaan dalam bidang ini oleh pelajar. Antara kelemahan yang ketara sering dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah penguasaan kemahiran Fasahah, Makhraj Huruf dan Tajwid. Ini bertepatan dengan kajian oleh Hajarul Bahti Zakaria et.al (2010) mendapati bahawa pelajar yang tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran bacaan al-Quran adalah berpunca daripada penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi. Ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mohd Alwi et al. (2003), Ab. Halim (2005) dan Ab. Halim et al. (2006) mendapati kelemahan penguasaan Tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar akan terus wujud sehinggalah mereka menamatkan pelajaran pada peringkat sekolah menengah sekiranya pengajaran Tilawah al-Quran di sekolah tidak diberi penekanan.

Terdapat juga kajian daripada Azarudin et.al (2011) yang mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keupayaan membaca al-Quran iaitu i) Pembimbing. ii) Peruntukan Masa Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam. iii) Kurang Penekanan Terhadap Ilmu Tajwid. iv) Faktor Sikap Ibu Bapa. v) Sikap dan Kurang Penekanan Terhadap Amalan Membaca al-Quran dalam Kehidupan. vi) Kurangnya Aktiviti yang Merangsangkan Kegiatan Pengajian al-Quran di dalam Kampus.

Hal ini turut dikaji oleh Zaharah (2007) tentang faktor minat dan tahap pengetahuan ilmu-ilmu al-Quran juga mendorong kemampuan pelajar membaca al-Quran dengan baik. Di dalam kajiannya terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kelebihan membaca al-Quran dengan kekerapan membaca al-Quran. Begitu juga terdapat hubungan yang positif antara minat dengan kekerapan membaca al Quran serta antara pencapaian Pendidikan Islam PMR dengan kekerapan membaca al Quran dalam kalangan pelajar. Kajian Mushgrove (1965) tentang peranan ibu bapa amat penting menentukan hala tuju anak-anak agar mengambil berat amalan membaca al-Quran. Kajian Salina (2006) turut

mendapati bahawa terdapat sebilangan kecil responden, tidak mendapat dorongan daripada ibu bapa mereka untuk membaca al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan semasa untuk mengenalpasti punca masalah para pelajar tidak membawa al-Quran ketika sesi PdP subjek CTU yang melibatkan 1,714 orang pelajar diploma semester satu bagi sesi September 2018 di UiTMCJKS. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik dan temu bual.

Soal Selidik

Soal selidik diedarkan kepada para pelajar diploma semester satu adalah berbentuk tertutup. Butiran berbentuk tertutup ialah butiran yang memerlukan jawapan pendek seperti ya atau tidak. Butiran jenis ini digunakan untuk memperoleh maklumat tertentu sahaja. Ia boleh dijawab dengan mudah, mengambil masa yang pendek, tidak mengalih pandangan responden daripada tajuk yang disoalkan, berbentuk objektif dan mudah disusun dan dianalisis.

Temu Bual

Temu bual antara pengkaji dengan subjek kajian bertujuan untuk mendapat maklumat yang relevan. Temu bual yang dimaksudkan adalah temu bual informan yang terdiri daripada pelajar diploma semester satu bagi sesi September 2018. Temu bual tidak berstruktur dijalankan secara tidak formal dan tidak mempunyai apa-apa urutan soalan.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil Dapatan Kajian Soal Selidik

Sebanyak 306 borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar yang mengambil subjek kod CTU101. Berikut adalah maklumat yang diperolehi.

Maklumat demografi responden

Maklumat demografi responden terdiri dari pelajar diploma semester 1

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Pengajian

Responden	Bilangan	Peratus
Diploma	306	100%

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Fakulti

Fakulti	Bilangan	Peratus
Perakaunan	24	7.8%
Sains komputer dan Matematik	36	11.8%
Pengurusan Perniagaan	188	61.4%
Pengurusan Maklumat	52	17.8%
Lain-lain	6	2%

Jadual 2 menyatakan sebanyak 306 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar semester satu di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Manakala jadual 3 menunjukkan bilangan responden seramai 188 (61.4%) dari Fakulti Pengurusan Perniagaan. 52 orang (17.8%) dari Fakulti Pengurusan Maklumat 36 (11.8%) Fakulti Sains Komputer dan Matematik. 24 orang dari Fakulti Perakaunan (7.8%) dan lain-lain fakulti seramai 6 orang iaitu 2%

Kepekaan membawa al-Quran di dalam Kelas

Jadual 4: Pelajar Membawa al-Quran

Perkara	Bilangan	Peratus
<i>a</i>	35	11.4%
<i>b</i>	271	88.6%

Petunjuk: a= Ya, b= Tidak

Jadual 4 menunjukkan seramai 271 (88.6%) pelajar semester satu kelas CTU tidak membawa al-Quran di dalam kelas. Angka ini adalah tinggi berbanding pelajar yang membawa al-Quran hanya 35 orang (11.4%).

Jadual 5: Taburan Responden suka berkongsi al-Quran

Perkara	Bilangan	Peratus
<i>a</i>	63	20.6%
<i>b</i>	243	79.4%

Petunjuk: a= Ya, b= Tidak

Jadual 5 menunjukkan 63 (20.6%) pelajar berkongsi al-Quran manakala 79.4% iaitu seramai 143 orang pelajar tidak berkongsi al-Quran.

Jadual 6: Responden menggunakan aplikasi al-Quran

Perkara	Bilangan	Peratus
<i>a</i>	199	65%
<i>b</i>	107	35%

Petunjuk: a= Ya, b= Tidak

Jadual 6 di atas menunjukkan taburan pelajar yang menggunakan aplikasi mudah alih seramai 199 orang (65%) manakala 107 orang tidak menggunakan aplikasi mudah alih iaitu sebanyak 35%.

Hasil Dapatkan Temu Bual

Seramai 270 orang pelajar yang terlibat dengan sesi temu bual. Berikut adalah bentuk soalan yang diajukan kepada para pelajar.

- i. Adakah kamu membawa al-Quran ketika sesi pembelajaran kod subjek CTU101?
- ii. Jika tidak, kenapa kamu tidak membawanya?

Jadual 7: Punca tidak Membawa al-Quran

Adakah anda membawa al Quran		Punca tidak Membawa al-Quran								
Ya	Tidak	Berat	Terlupa	Malas	Tidak mahir membaca	Tiada makluman	Tiada al-Quran peribadi	Tiada mampu membeli al-Quran	Tidak membaca al-Quran	Aplikasi al-Quran
116	154	2	112	1	-	13	3	-	-	23

Jadual 7 di atas jelas menunjukkan bahawa seramai 154 orang pelajar yang tidak membawa al-Quran ketika sesi pembelajaran kod subjek CTU101. Punca paling tinggi para pelajar tidak membawa al-Quran adalah terlupa. Seramai 112 orang pelajar yang terlupa membawa al-Quran ketika sesi pembelajaran diikuti dengan 23 orang tidak membawa al-Quran kerana mereka memiliki aplikasi al-Quran dalam telefon pintar masing-masing. Manakala 13 orang pelajar tidak membawa al-Quran kerana tidak dimaklumkan tentang keperluan al-Quran. Terdapat juga segelintir pelajar tidak membawa al-Quran kerana alasan al-Quran berat, malas dan tidak mempunyai al-Quran peribadi.

PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 271 (88.6%) pelajar semester satu bagi kod subjek CTU101 tidak membawa al-Quran di dalam kelas pada September 2018. Angka ini adalah tinggi berbanding pelajar yang tidak membawa al-Quran seramai 119 orang pada Julai 2018. Peningkatan berlaku sebanyak 152 orang pelajar yang tidak membawa al-Quran pada September 2018. Hal ini amat membimbangkan pihak ACIS UiTMCJKS. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar merasakan mushaf al-Quran tidak penting di dalam pembelajaran al-Quran. Hal ini turut disokong dengan data temu bual mendapati punca pelajar tidak membawa al-Quran adalah faktor manusia iaitu sikap mereka yang tidak menitik beratkan soal keperluan al-Quran dalam kelas. Mereka lupa, rasa terbeban dan sambil lewa terhadap keperluan mushaf al-Quran ketika sesi pembelajaran al-Quran. Seramai 112 orang pelajar yang terlupa membawa al-

Quran ketika sesi pembelajaran. Manakala punca kedua ialah faktor bahan iaitu aplikasi al-Quran dalam telefon pintar. Seramai 23 orang selesa menggunakan aplikasi al-Quran dalam telefon pintar masing-masing berbanding mushaf. Ini kerana ia mudah dibawa, ringan dan tidak perlu wuduk berbanding mushaf al-Quran. Walaupun terdapat gangguan dari aplikasi iklan yang sering keluar di dalam telefon mudah alih. Menurut Azila Alya (2007) iklan-iklan internet yang berbentuk mengancam dan sukar dikawal ini menyebabkan pemantauan kepada pelajar keseluruhannya tidak dapat di kawal di dalam kelas.

Sedangkan teori pengajaran Ibnu Khaldun (2003) dari aspek Alat Bantuan Mengajar (ABM) beliau menekankan pentingnya buku teks sebagai ABM dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Penilaian guru terhadap pelajar hendaklah berdasarkan sukatan pelajar yang ditentukan (buku teks). Oleh itu, peningkatan tahap pencapaian pelajar dalam pengajaran al-Quran disarankan agar penggunaan ABM dalam pengajaran al-Quran diperkasakan disamping setiap pelajar hendaklah memiliki al-Quran peribadi. Ini menunjukkan bahawa ABM adalah alat yang penting untuk memudahkan kefahaman sesuatu pengajaran kepada pelajar. Dalam pengajaran al-Quran ABM yang terpenting bagi setiap pelajar ialah mushaf al-Quran. Ini selaras dengan kepentingan membaca mushaf berdasarkan Riwayat Ibn Masud yang bermaksud:

“Sesiapa yang ingin dicintai oleh Allah dan rasulNya, maka bacalah mushaf” (Silsilah hadis Al-Hadis As-Sahih).

Bagi menangani punca masalah tersebut, pengkaji telah melakukan pencambahan minda dengan mengambil kira pro dan kontra cadangan. Hasil keputusan, pengkaji bersetuju mewajibkan serta menyeragamkan penggunaan al-Quran dengan memilih al-Quran yang bersesuaian untuk digunakan di dalam kelas yang dikenali sebagai *Islamic kit*. Surat arahan penyeragaman penggunaan al-Quran dikeluarkan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM CJKS.

Islamic kit merupakan satu kaedah inovatif yang mempunyai kelengkapan pembelajaran kod subjek CTU. Kit ini disediakan berpandukan kepada aspek bahan, perbelanjaan kos bahan dan pelaksanaan. Dengan kaedah ini dapat membantu sesi PdP berjalan dengan lancar. Menurut Mohd Yusuf (2000), ABM dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran ialah mushaf al-Quran itu sendiri. Oleh itu disarankan agar setiap individu pelajar memiliki sebuah mushaf atau al-Quran samada di bilik darjah atau di luar bilik darjah. Selain itu, ia dapat menjimatkan kos dan masa, kesesuaian dengan slot PdP dan penjana pendapatan.

Jika dilihat kepada kebanyakan kelas al-Quran dewasa, kanak-kanak di pusat pengajian al-Quran atau sekolah, mereka membawa al-Quran ketika sesi pengajian. Malah membaca al-Quran daripada mushaf lebih afdhal (utama) berbanding aplikasi dalam telefon sebagaimana riwayat Ibnu Mas'ud:

Maksudnya: *“Siapa yang ingin dicintai oleh Allah dan Rasul-Nya, maka bacalah mushaf.”* (Silsilah Al-Ahadits Ash-Shahihah, no.

2342. Syaikh Al-Albani menyatakan bahawa sanad hadith ini Hasan).

Manakala Imam an-Nawawi Rahimahullah berkata:

Maksudnya: *“Membaca al-Qur’an daripada mushaf lebih afdhal daripada membaca melalui hafalan, kerana membaca al-Qur’an daripada mushaf menghimpunkan (perbuatan) membaca dan melihat mushaf, dan ia (melihat mushaf) adalah satu ibadat yang lain. Begitulah yang dikatakan oleh Al-Qadhi Husain dan ulama yang lainnya dari kalangan sahabat-sahabat kami dan dinashkan juga oleh jemaah-jemaah dari ulama salaf dan aku tidak melihat padanya sebarang khilaf, mudah-mudahan mereka menghendaki (pendapat) yang sedemikian itu bagi hak orang yang kekhuyu’kannya dan kehadiran hatinya di dua situasi itu (membaca daripada mushaf dan membaca daripada hafalan) adalah sama kedudukannya. Maka adapun siapa yang bertambah kekhuyu’kannya, kehadiran hatinya dan perhatiannya dengan membaca al-Qur’an daripada hafalan maka itulah yang lebih afdhal menurut kesesuaiannya.”* (Al-Majmu‘: 2/189)

Kelebihan al-Quran sebagai mukjizat terpelihara sebagaimana firman Allah SWT

Maksudnya: *“Sesungguhnya Kami menurunkan al-Quran dan Kami akan menjaganya dengan sebaik-baiknya.”*

Pelaksanaan *Islamic kit* turut disokong oleh para pensyarah ACIS, Ketua Pusat Pengajian ACIS, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (TREKHEA) dan Rektor UiTM CJKS. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya al-Quran di dalam sesi PdP di dalam kelas. Berikut adalah *Islamic Kit* yang diperkenalkan oleh pengkaji untuk kegunaan pensyarah ACIS UiTM CJKS dan pelajar.



Gambar 1: *Islamic Kit*

Bagi memanfaatkan sepenuhnya penggunaan *Islamic Kit*, pengkaji turut meletakkan cop penilaian markah dari semester satu hingga semester tiga pada

helaian akhir al-Quran beserta terjemahan. Ini merupakan kaedah inovatif untuk tujuan pelajar memiliki dan membawa al-Quran beserta terjemahan sepanjang kuliah CTU selama tiga semester serta memudahkan para pensyarah membuat penilaian markah serta maklumat kepada pensyarah ACIS yang bakal mengajar pelajar tersebut pada semester akan datang. Berikut adalah contoh cop penilaian markah CTU yang disediakan untuk kegunaan pensyarah ACIS.



Gambar 2: Cop Penilaian Markah CTU

KESIMPULAN

Al-Quran sebagai wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW amat penting dalam memandu kehidupan manusia yang sentiasa dahagakan petunjuk dari Allah. Membaca al-Quran mempunyai kelebihanannya tersendiri seperti satu huruf mendapat 10 pahala sebagaimana riwayat

“Abdullah bin Mas’ud radhiyallahu ‘anhu berkata: *“Rasulullah SAW bersabda: “Siapa yang membaca satu huruf dari Al Quran maka baginya satu kebaikan dengan bacaan tersebut, satu kebaikan dilipatkan menjadi 10 kebaikan semisalnya dan aku tidak mengatakan AlifLaamMiin satu huruf akan tetapi Alif satu huruf, Laam satu huruf dan Miim satu huruf.”* (HR. Tirmidzi Hadis Hasan Sahih no. 999)

Selain itu, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.” (Surah al-A’raf:204)

Di dalam al-Quran juga terdapat banyak dalil yang boleh diambil iktibar, faedah dan manfaat sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah

dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”(Surah Sad: 29)

Merujuk kepada dalil al-Quran di atas, jelas bahawa al-Quran bayak memberi manfaat kepada umat Islam. Justeru ACIS UiTM telah berusaha mewujudkan budaya al-Quran dalam sistem pendidikan. Usaha ini terbukti dengan adanya hafazan dan analisa ayat al-Quran di dalam subjek kod CTU. Namun, terdapat isu yang dihadapi oleh para pensyarah ACIS iaitu masalah para pelajar yang tidak membawa al-Quran ke sesi pembelajaran subjek kod CTU. Berdasarkan hasil dapatan kajian dari soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji mendapati pada sesi Mac 2018 seramai 29 orang pelajar daripada 270 pelajar Diploma semester satu sebagai responden tidak membawa al-Quran. Manakala sesi Julai 2018 meningkat kepada 119 orang pelajar yang tidak membawa al-Quran. Ini menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 90 orang pelajar yang tidak membawa al-Quran. Peningkatan tidak membawa al-Quran turut berlaku pada sesi September 2018 sebanyak 152 orang pelajar. Puncanya ialah faktor manusia itu sendiri iaitu sikap pelajar yang lupa, malas, terbeban dan sambil lewa. Diikuti dengan bahan iaitu al-Quran sukar dibawa, berat dan perlu wuduk. Sedangkan fizikal telefon pintar mudah dibawa, ringan dan tidak perlu wuduk ketika memegangnya. Oleh yang demikian, pelajar lebih selesa menggunakan aplikasi al-Quran berbanding mushaf al-Quran itu sendiri.

Walaupun pada zaman sekarang adalah zaman digital. Namun, aplikasi al-Quran yang di muat turun dari internet perlu dikaji dan diselidiki. Ini kerana terdapat lambakan aplikasi al-Quran yang dibangunkan oleh individu yang tidak bertanggungjawab bagi menyesatkan umat Islam. Lambakan aplikasi al-Quran di pasaran yang tidak disemak dan tidak mendapat perakuan daripada pihak berkuasa di negara ini. Berbanding mushaf al-Quran disemak oleh Jawatankuasa Penyemak dan Penilai Teks al-Quran (Lajnah Tasheh al-Quran) Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan diperakukan oleh Lembaga Pengawasan dan Perlesenan Percetakan al-Quran KDN (Ammar Jazlan 2017).

Oleh itu, penggunaan mushaf al-Quran masih relevan digunapakai di dalam kelas. Maka kaedah inovatif iaitu *Islamic kit* yang diperkenalkan dan diseragamkan di UiTM CJKS memberi beberapa faedah ketara yang dapat diperolehi oleh para pensyarah dan pelajar. Faedah ketara bagi pensyarah ACIS ialah memudahkan PdP dengan adanya *Islamic kit*, mencapai *outcome learning* (CLO & PLO), meningkatkan mutu kerja pensyarah, pengiktirafan *Islamic kit* dalam kalangan pensyarah dan penyeragaman kaedah PdP. Malah pelajar juga turut menerima faedah ketara kepada kemahiran insaniah, pencapaian akademik khusus subjek CTU dengan cemerlang, dan meningkatkan pelajar membawa al-Quran. Keistimewaan *Islamic kit* tersebut menjadikan para pelajar tiada lagi alasan untuk tidak membawa al-Quran ketika sesi kuliah CTU. *Islamic kit* juga dapat membantu sesi PdP berjalan dengan lancar, penggunaan al-Quran selaras, tiada berlaku penambahan kontak jam antara pensyarah dan pelajar serta dapat mengekalkan penggunaan mushaf al-Quran dalam kalangan pelajar walaupun berada di zaman teknologi digital.

Penggunaan *Islamic kit* perlu perhatian serius dari masa ke semasa agar isu masalah tidak membawa al-Quran tidak berulang dan harus ditangani dari peringkat awal. Justeru, faktor-faktor yang dikenalpasti seperti sikap dan penggunaan aplikasi al-Quran di telefon pintar dapat diatasi.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan daripada kumpulan al-Khawarizmi ACIS UiTMCKJS bagi projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTMCKJS. Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Rektor UiTMCKJ, Timbalan Rektor HEA UiTMCKJ, Timbalan Rektor HEP UiTMCKJ, Timbalan Rektor BPIIA UiTMCKJ, Ketua Pusat Pengajian ACIS UiTMCKJ, para pelajar dan pensyarah ACIS UiTMCKJ atas sokongan untuk menjalankan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri (2005). *Isu-isu dalam amalan pengajaran guru-guru pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Prosiding Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri ke-4*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri (2006). *Modul pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran: pendekatan masa kini. Konvensyen Pensyarah Tahfiz Peringkat Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrir Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak (2004) *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke atas Pembangunan Diri Pelajar*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Raof Dalip (1998) *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- ACIS Management (2018) *History and Background of ACIS*. Dari <https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/acis/about-us>. Diakses pada 04 Oktober 2018.
- Akademi Pengajian Islam Kontemporari (2017) CTU101_Maklumat & Pelan Kursus.
- Akademi Pengajian Islam Kontemporari (2017) CTU151_Maklumat & Pelan Kursus.
- Ammar Jazlan Mad Lela (2017). *Waspada Aplikasi Al-Quran Palsu*. Dari http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=1106&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_02.htm. Diakses pada 04 Oktober 2018.
- Aminah Idris (1997) *Penilaian Program Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Rendah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Awang Had Salleh (1986) *Kaedah Kaunseling yang Kemaskini*. Kertas kerja. Seminar ke-2 Kaunseling USM, Pulau Pinang.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat dan Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub (2011) *Tahap Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Di Uitm Terengganu*. Malaysia AJTLHE Vol. 3, No.2, July 2011, 83-100.
- Azila Alya binti Dahalan (2007) Pengiklanan Internet: Efektif Tapi Mengancam. Artikel di keluarkan dalam Estidotmy, 27 Disember 2007.
- Daud Ismail dan Asyraf Hj Ab Rahman (2016). Mushaf Imla'i dan Implikasinya dalam Pembacaan Al-Quran Imla'i Mushaf and It's Implication in Reading Al-Quran. *Ulum Islamiyyah Journal* Vol 17 (June) 2016: 43-55.
- Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin & Mahadi Mohammad (2014). Perkembangan dan Masalah Pembelajaran al-Quran dalam Program j-QAF di Malaysia. *Islamiyyat* 36(2) (2014): 57 -66
- Hajarul Bahti Zakaria & Mohd Huzairi Awang (2010). *Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke-4 (UPI & UPSI). Bandung: Indonesia.
- Ibnu Khaldun (2000). *Muqadimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2002). *Huraian sukatan pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4, KBSM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maimun Aqsha Lubis & Ismail Suardi Wekke (2007). *Inovasi Teknik Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran dalam Bilik Kuliah*. Kertas Kerja. 1st International Malaysian Education Technology Convention. Dari <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/20.KonventionTP2007-20/pdf/volume2/138-maimun.pdf>. Diakses pada 04 Oktober 2018. 1072-1080.
- Ma Yu Long, Syed Najihuddin Syed Hassan, Abdulloh Salaeh, Robiatul Adawiyah Mohd, Walid Mohd Said, Kabiru Goje, Nurul Izzatul Huda Mohamad Zainuzi (2019). Kajian Tinjauan Sumber Pembelajaran Al-Quran Dalam Masyarakat Cina Muslim di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, Volume: 4 Issues: 24: 65-75
- Misnan Jemali (2006) *Tahap Pencapaian Penguasaan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar di Perak*. Kajian Cuti Sabatikal. Tanjung Malim: UPSI.
- Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi (2009) Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1) (2009), 93-109.
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz & Ahmad Kamel Mohamed (2003). Keberkesanan Iqra' sebagai kaedah pembelajaran membaca al-Quran. *Posiding Isu semasa Pengajian Quran dan Sunnah*: 101-114. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah: Kolej Universiti Islam Malaysia
- Mohd Yusuf Ahmad (2000). *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Zainodin Mustaffa (2018). *Masalah Pelajar Tidak Membawa al-Quran*. Temu bual pada 14 Mac 2018.

- Muhammad Fauzan Abdul Wahid (2006). *Meningkatkan Kemahiran Membaca al-Quran Menerusi Latihan Amali & Tasmik al-Quran*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa.
- Munirah Zakaria (2018). *Masalah Pelajar Tidak Membawa al-Quran*. Temu bual pada 14 Mac 2018.
- Mushgrove, Frank (1965). *Youth and Social Order*. United States: Indiana University Press.
- Ngalim Purwanto (1990). *Psikologi Pendidikan*. Bandung: Rosdakarya.
- Norazmi Anas, Shahril Nizam Zulkipli, Mohd Syukri Mohd Noor, Abd Munir Mohamed Noh, Mohamed Imran Mohamed Ariff, Zulkifli Mohd. Ghazali, Zuriani Yaacob, Intan Noorazlina Abdul Rahim, Hartini Mohd Rosli (2017) Mind mapping: Its Usefulness and Effectiveness in CTU101 & CTU151 Courses. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 4(5) 2017, 67-70.
- Nur Hanis Mohd Hatta (2012) Keberkesanan Penggunaan Kaedah Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Asuhan Tilawah Al-Quran Tahun 4. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Pendidikan Islam amb. Januari 2009, *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012*, 34-44.
- Salina Binti Sa'don (2006). *Persepsi Pelajar Tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Mohd Shafiee Hamzah, Tasnim Abd Rahman, Kasimah Kamaruddin dan Nik Azeah Nik Azman (2018). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran: Kajian di Masjid UniSZA*. Dari <http://ejournals.ukm.my/jhadhari/article/viewFile/25684/7881>. Diakses pada 04 Oktober 2018.
- Siti Hanisah Mohd Amin (2018). *Masalah Pelajar Tidak Membawa al-Quran*. Temu bual pada 14 Mac 2018.
- Siti Zaleha Ibrahim, Norsaadah Din & Muhammad Izzat (2017). *Cabaran Pengajaran Kelas Pengukuhan Al-Quran: tinjauan terhadap mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*. Dari <http://conference.kuis.edu.my/pasak2017/images/prosiding/pendidikan/28-SITI-ZALEHA.pdf>. Diakses pada 12 Oktober 2020
- UiTM Cawangan Johor (2018) Senarai Kod Subjek. Dari <https://johor.uitm.edu.my/v3/index.php/senarai-kod-subjek>. Diakses pada 04 Oktober 2018.
- Zaharah Binti Bahari (2007) Amalan Membaca al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Port Dickson. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Nur 'Atiyah Binti Surattem (2013) Senario Semasa Dan Strategi Pengembangan Pengajian Ilmu Al-Quran. Kertas Kerja. Dari <https://www.researchgate.net/publication/265906248>. Diakses pada 04 Oktober 2018.